

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perincian fokus Kementerian dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam usaha menambah baik Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 serta impaknya kepada ekosistem digital di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] telah pun dimuktamadkan di peringkat Suruhanjaya pada 9 Julai 2021 dan sedang melalui proses semakan dan kelulusan di peringkat Kementerian dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Antara aspek yang menjadi fokus dalam usaha tersebut adalah berkaitan dengan Pembangunan Industri (*Industry Development*) termasuk penambahbaikan perlindungan pengguna, Keselamatan Rangkaian (*Network Security*) dan Pengurusan Media Baharu (*New Media Management*).

Objektif utama pindaan Akta 588 ini adalah untuk:

- (a) menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia bagi keperluan masa hadapan;

SOALAN NO : 414

- (b) menambahbaik aspek keselamatan rangkaian berikutan peningkatan penggunaan dan kebergantungan terhadap perkhidmatan digital; dan
- (c) penambahbaikan pengurusan media baharu termasuk pengawasan regulatori terhadap perkhidmatan penstriman media (*over the top* – OTT) dan portal berita dalam talian.

Secara umumnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberikan impak yang positif kepada ekosistem digital di Malaysia bagi menyokong pembangunan industri komunikasi dan multimedia negara. Ini seterusnya diharapkan dapat menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negara yang lebih pesat, sejajar dengan transformasi negara ke arah ekonomi digital yang lebih maju dan menyumbang ke arah peningkatan taraf hidup yang lebih tinggi.

Untuk makluman, Rang Undang-Undang pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini dijadualkan untuk pembentangan di Parlimen selewat-lewatnya pada tahun hadapan, sebaik ianya mendapat kelulusan dari Jemaah Menteri dan AGC.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pengambilan Digital Nasional Berhad (DNB) sebagai SPV untuk menguruskan jaringan 5G negara dan perlantikan Ericsson untuk membangunkan jaringan 5G dengan kos RM11 bilion, di mana tiada lagi kerangka perundangan untuk menyelia DNB serta jaringan 5G berkenaan. Persoalannya mengapa projek 5G dianugerahkan kepada satu syarikat sahaja (buat kali pertama berlaku dalam negara Asia) dan adakah projek ini akan menggunakan wang rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Digital Nasional Berhad (DNB) adalah sebuah syarikat tujuan khas (SPV) milik penuh Kerajaan yang dilesenkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. DNB tertakluk kepada kesemua undang-undang dan peraturan yang berkaitan serta dikawaselia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah kerangka perundangan sedia ada yang berkuatkuasa.

Rangkaian 5G nasional akan dilaksanakan melalui DNB sebagai operator rangkaian pukal 5G tunggal (Single Wholesale Network - SWN) yang akan menyediakan perkhidmatan pukal 5G kepada semua pemegang lesen telekomunikasi, termasuk operator rangkaian mudah alih supaya mereka dapat menyampaikan perkhidmatan 5G secara runcit kepada pelanggan akhir mereka. SWN bertujuan mempercepatkan pelaksanaan 5G bagi meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi negara memandangkan perkhidmatan rangkaian 5G turut telah tersedia di beberapa buah negara jiran seperti Singapura, Filipina, Thailand dan Vietnam. Pendekatan SWN turut dapat meningkatkan kecekapan dengan mengurangkan pertindihan dalam infrastruktur.

Penganugerahan kontrak 5G kepada Ericsson sebagai pembekal perkakasan rangkaian (Network Equipment Provider – NEP) adalah berdasarkan proses tender yang ketat, kompetitif dan bebas. Tiga kriteria – iaitu teknikal, komersial dan sosio-ekonomi – telah digunapakai untuk menetapkan pembida yang berjaya. Proses penilaian tender telah dilaksanakan berdasarkan nasihat daripada firma perunding antarabangsa Ernst & Young Consulting Sdn Bhd melibatkan lebih daripada 50 para profesional industri dan pakar bebas daripada lebih 10 buah negara dan Ericsson telah dinilai sebagai pemenang dalam ketiga-tiga kriteria tersebut.

Jadual pelaksanaan singkat pelaksanaan 5G memainkan peranan penting dalam strategi pemilihan vendor. Model vendor tunggal melalui

pelantikan Ericsson bagi rangkaian 5G negara mempunyai beberapa kelebihan:

1. Memudahkan proses integrasi rangkaian;
2. Mengurangkan risiko projek serta meningkatkan kualiti dan ketahanan rangkaian;
3. Merendahkan kos operasi dan perkhidmatan yang secara tidak langsung merendahkan kos 5G agar lebih ramai mampu mengakses perkhidmatan 5G; dan
4. Memberi keutamaan kepada kepantasan, jalur lebar (*bandwidth*) serta liputan rangkaian yang meluas ke seluruh negara.

DNB juga boleh mempertimbangkan vendor kedua pada masa hadapan apabila rangkaian 5G telah stabil. Pelaksanaan rangkaian 5G akan dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta melalui skim pembayaran tertunda daripada pembekal, kemudahan pembiayaan modal kerja daripada bank tempatan serta program Sukuk jangka panjang daripada pasaran modal hutang. Pembiayaan yang akan diperolehi disokong pensekuritian aliran pendapatan syarikat daripada perjanjian komersial dengan operator-operator rangkaian mudah alih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan bagi mengenakan cukai 'windfall' melalui Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 kepada pemain industri sarung tangan getah yang telah menikmati keuntungan luar biasa pada musim pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengenaan *windfall levy* dengan izin, di bawah Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 ke atas barangan siap pengguna atau barang pengilangan tempatan seperti sarung tangan getah yang menjana keuntungan tambahan semasa pandemik COVID-19 tidak lagi berbangkit memandangkan Kerajaan telahpun memutuskan untuk mengenakan cukai khas yang dinamakan sebagai Cukai Makmur sepertimana yang diumumkan dalam Bajet 2022 yang lalu.

Cukai Makmur akan dikenakan kepada syarikat yang menjana pendapatan tinggi melebihi 100 juta ringgit bagi tahun taksiran 2022. Cukai ini juga akan dilaksanakan sekali sahaja dan tidak melibatkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Ia sebagai menyokong inisiatif Kerajaan dalam membantu golongan terjejas serta untuk memastikan sistem kesihatan awam negara lebih berdaya tahan dalam menghadapi sebarang ancaman pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ B. SYED ABDUL
RAHMAN (MUAR)**

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dalam usaha untuk meningkatkan ketelusan urus tadbir Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan untuk menyiasat semua kes yang didakwa mati dalam tahanan (custodial death).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Susulan pertukaran Kerajaan pada 1 Mac 2020, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 1 April 2020 telah bersetuju supaya tanggungjawab RUU IPCMC diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dibentangkan semula di Parlimen setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Lanjutan dari keputusan MJM tersebut, KDN melalui Jawatankuasa Teknikal telah menjalankan kajian terperinci bagi tujuan pengubalan RUU yang baharu bagi menggantikan RUU IPCMC. RUU yang baharu ini dinamakan semula sebagai RUU Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC). RUU IPCC telah dibuat bacaan kali pertama pada 26 Ogos 2020 di Dewan Rakyat. Namun bacaan kali kedua yang dijadualkan pada 27 Ogos 2020 telah ditangguhkan dan akan dibaca di sidang Parlimen pada penggal ini.

Kementerian Dalam Negeri berpandangan isu-isu yang dibangkitkan berhubung penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) tidak lagi relevan memandangkan Rang Undang-Undang IPCMC telah ditarik balik daripada pembentangan bacaan kali kedua oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Takiyuddin Hassan menerusi Peraturan Mesyuarat 62, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada 26 Ogos 2020.